

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN NAIB
CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PENYAMPAIAN
HADIAH KEJOHANAN CAGE FUTSAL

PADA 9 MEI 2010 DI MULTIPURPOSE COURT

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Satu Malaysia.

Mengadap, Raja Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, yang juga Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke majlis pada petang ini yang diadakan bersempena dengan sambutan hari Keputeraan yang ke-67 DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada petang ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini. Sebagai Naib Canselor UniMAP, patik mewakili sekalian warga UniMAP ingin melahirkan rasa bangga dan beruntung kami kerana dikurniakan Tuanku Canselor dan Pro-Canselor yang sentiasa menyokong aktiviti dan program anjuran universiti.

Patik-patik semua mohon semoga Tuanku berdua akan terus memberikan sokongan kepada UniMAP dalam usaha untuk kami terus berdaya saing di arena pendidikan, penyelidikan, sukan, kebudayaan dan pentadbiran hendaknya.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Berhormat Tuan Japferi Othman, wakil YAB Menteri Besar Perlis

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

Yang Berhormat Dato' Mohamad Zabidi Zainal , Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berhormat Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ahli – ahli Yang Berhormat

Dif-dif Kehormat,

Yang Berbahagia, Prof Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-wakil media

Seterusnya peserta pertandingan Cage Futsal UniMAP.

Assalamualaikum dan Salam Satu Malaysia. Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, dapat kita berkumpul bersama-sama pada petang ini untuk

menyaksikan perlawanan akhir Pertandingan Cage Futsal seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Sesungguhnya, UniMAP berasa amat bertuah kerana diberikan kesempatan untuk menganjurkan beberapa aktiviti dalam memeriahkan Sambutan Hari Keputeraan DYMM Raja Perlis yang ke-67 pada tahun ini.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjuran Pertandingan Cage Futsal atas kerjasama dan komitmen yang anda berikan dalam menjayakan pertandingan yang berlangsung sejak hari Jumaat lalu.

Ibarat kata bijak pandai, ***”pisang sesikat, susu sebelanga, tanda bermuafakat bersama-sama.”***

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dalam kita menyertai sesuatu pertandingan, pastinya kita mempunya matlamat atau sasaran yang kita ingini. Seorang perunding motivasi, Saudara Osman Affan ada berkata :

“Tanpa Halangan, Matlamat Bukanlah Suatu Impian”

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan kata-kata ini. Jawapannya cukup mudah sekali, jika sesuatu yang kita

hendak capai itu begitu sukar, banyak masalah dan penuh cabaran, ia bermaksud perkara itu adalah satu matlamat yang sangat bermakna dan berharga buat kita.

Sebagai contohnya dalam permainan futsal pada hari ini, jika kita bertanding tanpa melibatkan pihak lawan, pastinya kita akan mencatatkan kemenangan mungkin 30 jaringan tanpa balas dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Tetapi adakah kemenangan itu menjanjikan kepuasan kepada kita?? Pastinya tidak bukan, ia seolah-olah kita bermain ***syok sendiri – sendiri bawak bola sendiri jaringkan gol***. Tetapi sekiranya permainan ini melibatkan pihak lawan, anda pastinya akan bermain bermati-matian untuk mencatatkan kemenangan dan sekiranya kemenangan itu menjadi milik anda pastinya ia sesuatu yang sangat berharga.

Sesuatu impian yang kita inginkan akan menjadi lebih berharga dan bermakna sekiranya ia disertai halangan kerana pengakhirannya akan menjanjikan sesuatu kepuasan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

Justeru, saya amat berharap, anda semua yang menyertai pertandingan Cage Futsal ini berpegang teguh kepada kata hikmah ini, namun harus diingat, sekiranya kegagalan yang hadir menyapa, usah gusar dan bermuram durja kerana di suatu ketika dan masa yang lain, kejayaan pasti menjadi

milik anda jika ia disusuli dengan usaha bersungguh-sungguh.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sesungguhnya saya amat berharap agar semua peserta pertandingan ini dapat menemui, merasai dan mengecapi matlamat yang dicari serta semangat persaudaraan di antara satu sama lain sepanjang pertandingan ini berlangsung.

Pada masa sama, saya juga berharap agar semangat bersaing seumpama ini dapat dikekalkan sepanjang masa tidak kira anda sebagai pekerja atau pelajar. Saya yakin jika semangat yang sama dapat sentiasa dikekalkan, insya allah kita pasti akan dapat menjadi individu yang berdaya saing dalam pelbagai bidang di peringkat lokal dan global.

Akhir kata saya Sudah dengan dua rangkap pantun :

**Membuat ukiran diterangi lilin,
Lilin dibeli di kedai Zuraida,
Usaha yang jitu disulami disiplin,
Pasti membawaikan ganjaran berganda.**

**Sayang jelatik burung jeladan,
Sayang terkukur terbangnya rendah,
Sudah tersurat hakikat pertandingan
Ada yang menang tak kurang yang kalah.**

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili anggota jawatankuasa dan seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke Majlis pada petang ini.

Patik sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.